

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KE-14 PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM KIT SIANG
(ISKANDAR PUTERI)**

TARIKH : **31 OKTOBER 2019**

SOALAN

YB TUAN LIM KIT SIANG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini semakan Dasar Automotif Nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sejajar dengan arus perubahan industri automotif global, kajian semula NAP adalah perlu bagi memastikan industri automotif tempatan terus kekal berdaya saing selaras dengan perkembangan teknologi masa hadapan dalam sektor automotif dan mobiliti.
2. Kajian semula Dasar Automotif Nasional - *National Automotive Policy* (NAP) 2014 yang dimulakan sejak Februari 2018 bertujuan untuk menambahbaik NAP sedia ada dengan memperkenalkan elemen-elemen teknologi baharu selaras dengan perkembangan teknologi masa hadapan seperti *Next Generation Vehicle* (NxGV), *Mobility as a Service* (MaaS), dan *Industrial Revolution 4.0* (IR4.0).
3. Kajian semula ini turut memberi fokus kepada pembangunan industri automotif tempatan seperti pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), peningkatan eksport termasuk mengambil kira cadangan projek kereta nasional baharu.

NO SOALAN : 3

4. Secara kesimpulannya, kajian semula NAP digubal bagi meneruskan pembangunan sektor automotif tempatan dan keseluruhan ekosistemnya. Usaha-usaha yang khusus diberi penekanan bagi menggalakkan pembangunan teknologi NXGV, MaaS dan IR4.0 dalam sektor automotif tempatan supaya Malaysia tidak ketinggalan dalam memasarkan produk-produk automotif ke peringkat antarabangsa.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Dalam melaksanakan kajian semula NAP, pandangan dan input daripada industri tempatan dan kementerian/agensi Kerajaan berkaitan telah diambil kira bagi memastikan cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada industri automotif. Secara keseluruhannya, kajian semula NAP menerima maklum balas yang positif daripada pihak berkepentingan. Langkah-langkah yang diperkenalkan di bawah kajian semula NAP akan dibangunkan secara bersama melalui konsultasi berterusan.

6. Kajian semula NAP kini berada di peringkat akhir di mana sesi konsultasi dengan kesemua pihak berkepentingan termasuk pihak industri telah selesai dilaksanakan. Pembentangan kepada Jemaah Menteri akan dilaksanakan dalam masa terdekat. NAP ini dijangka akan diumumkan pada akhir tahun 2019.

Sekian, terima kasih.